

13/04/1997

Anggota MT beri pandangan berlapik

KUALA LUMPUR: Meskipun masa depan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib menjadi persoalan selepas penangkapan beliau di Brisbane Disember lalu, kerana tidak mengisytiharkan kepada Kastam Australia wang tunai berjumlah RM2.4 juta yang ditemui dalam bagasinya, peletakan jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor semalam adalah mengejutkan.

Mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini pagi semalam secara kebetulan mempunyai agenda membincangkan mengenai punca politik wang dan penyalahgunaan kuasa, tidak disangka menjadi tempat mengumumkan peletakan jawatan Muhammad.

Tetapi itulah yang dilakukan Perdana Menteri dan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dan dilihat daripada air muka Dr Mahathir yang sugul pada sidang akhbar itu yang diadakan selepas mesyuarat MT, jelas sekali soal peletakan jawatan Muhammad adalah sesuatu yang berat bagi ketua parti itu.

Sebahagian besar anggota MT - badan tertinggi pembuat dasar parti, melahirkan pandangan masing-masing sewaktu perbincangan mengenai agenda itu dan difahamkan mereka bercakap secara berlapik apabila merujuk kepada masalah undang-undang yang dihadapi Muhammad di Australia.

Tetapi pandangan berat Dr Mahathir sendiri terhadap perkara itu, yang berlaku pada saat-saat usaha dibuat untuk memerangi habis-habisan politik wang, dipercayai membawa mesej kepada Menteri Besar Selangor itu untuk meletakkan jawatan.

Perkembangan yang memeranjatkan ini berlaku hanya sehari selepas sebuah mahkamah majistret di Brisbane diberitahu bahawa Muhammad bukan sahaja menghadapi tuduhan kerana gagal mengisytiharkan wang itu tetapi juga tuduhan tambahan kerana memberikan kenyataan palsu mengenai wang tunai itu yang mengandungi beberapa mata wang asing.

Muhammad yang akan dibicarakan selama tiga hari mulai 19 Ogos ini, boleh dihukum denda dan penjara, jika didapati bersalah.

Kejadian itu dan laporan akhbar Brisbane, Courier Mail, baru-baru ini bahawa Muhammad mengumpul harta bernilai berjuta-juta ringgit di Australia atas nama isterinya, menyebabkan kedudukan beliau kini sukar untuk dipertahankan.

Dr Mahathir seorang yang berpegang kuat kepada ungkapan bahawa seseorang itu masih tidak bersalah sehinggalah dibuktikan, tetapi pada sidang akhbar semalam beliau berkali-kali mengulangi perlunya mempertahankan maruah Umno sebagai tulang belakang parti memerintah, BN.

(END)